

18 FEB 2000

Mahkamah-Anwar (Mahathir)

HAKIM NASIHAT PERDANA MENTERI JANGAN KOMEN MENGENAI SEPINA

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Hakim Datuk Arifin Jaka hari ini menasihatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya jangan membuat apa-apa komen lagi mengenai sepina yang dikeluarkan kepadanya untuk hadir sebagai saksi dalam perbicaraan liwat bekas timbalan perdana menteri.

"Saya telah mengatakan berulang kali sepanjang perbicaraan bahawa tiada sesiapa pun, mahupun menteri atau ahli politik, patut memberikan sebarang komen terhadap kes yang sedang berjalan ini, tetapi komen-komen sebegini masih dibuat.

"Mengenai sepina yang dikeluarkan dan diserahkan kepada Dr Mahathir, adalah lebih jika komen tidak diberikan. Isu sama ada ia relevan atau tidak masih belum diputuskan mahkamah.

"Saya harap tiada sebarang komen lagi daripada beliau (Dr Mahathir) mengenai isu ini," kata Arifin.

Beliau membuat kenyataan itu selepas Karpal Singh, peguambela Datuk Seri Anwar Ibrahim, menarik perhatian mahkamah terhadap kenyataan perdana menteri mengenai perkara itu yang dilaporkan akhbar-akhbar tempatan hari ini.

Dr Mahathir telah berkata beliau berpendapat tidak perlu baginya dipanggil sebagai saksi pada perbicaraan itu kerana semua keterangan telah diberikan, bagaimanapun beliau akan hadir di mahkamah jika perlu.

Arifin bersetuju dengan Karpal Singh bahawa komen-komen sedemikian yang melanggar merit perbicaraan dan boleh membawa kepada tindakan menghina mahkamah, patut dihentikan.

Timbalan Kanan Pendakwa raya Datuk Abdul Gani Patail juga bersetuju dengan berkata adalah tidak wajar bagi "sesiapa termasuk saya sendiri, perdana menteri dan semua peguam" bercakap kepada pemberita menyentuh mengenai perkara-perkara berhubung kes ini.

Beliau berkata: "pemberita datang kepada kita dan terus mendesak... pemberita sepatutnya menahan diri daripada meminta perdana menteri memberikan komen mengenai kes ini."

Anwar, 52, dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, didakwa secara berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini pada pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan bersubahat dengan Anwar meliwat Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, di tempat dan masa yang sama.

Beliau memohon kepada mahkamah pada Oktober tahun lepas untuk memberikan sepina kepada Dr Mahathir supaya hadir sebagai saksi dan Anwar pula memohon berbuat demikian semalam.

Perbicaraan disambung pada Isnin.

-- BERNAMA

SBB NHD JK RON